

# Teruja lihat pelbagai spesies burung

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

utusan@utusan.com.my

**JERANTUT 18 Dis.** - Seramai 92 penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor 'membelah' hutan di Lembah Enggang berdekatan Taman Negara untuk mengenali spesies burung liar sempena program memerhati burung liar di Kuala Tahan dekat sini baru-baru ini.

Program anjuran Persatuan Pencinta Burung Liar Taman Negara itu bertujuan mengenali pelbagai spesies burung liar yang menjadikan kawasan hutan tropika sebagai habitat termasuk transit burung hijrah dari tempat lain.

Pengerusi Persatuan Pencinta Burung Liar Taman Negara,



**PENUNTUT** Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menyertai program memerhati burung liar di Lembah Enggang dekat Taman Negara Kuala Tahan, Pahang, semalam.

Roslan Abu Kassim berkata, sebanyak 180 spesies burung liar dikenal pasti menjadikan hutan

tropika yang berusia lebih 130 juta tahun berkenaan sebagai habitat.

"Spesies burung liar di sini

antara tarikan utama pelancong termasuk penuntut institusi pengajian tinggi awam untuk

mengenali lebih dekat menerusi aktiviti memerhati haiwan ini.

"Kita membuka Lembah Enggang yang merupakan habitat pelbagai spesies burung liar sejak tahun lepas untuk aktiviti ini selain dapat mengenali lebih dekat flora dan fauna," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Dalam pada itu, seorang penuntut Fakulti Pertanian UPM, Md. Muhaiman Mohd. Najib, 20, berkata, dia sanggup meredah hutan semata-mata untuk mengenali burung liar yang hinggap dan membina sarang dengan menggunakan 'binocular'.

"Lembah Enggang mampu menjadi tarikan pengunjung justeru hutan ini perlu dipelihara sebaik-baiknya," ujar beliau.